

## Teks Ucapan

**YBHG. PROF. DATUK DR. MOHD. HARUN ABDULLAH**  
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

sempena  
BENGKEL KEBOLEHPASARAN GRADUAN (GE)  
13 Mac 2017 (ISNIN)  
9.00 pagi  
Cafe D'Sireh, Bangunan Canselori

*Assalamualaikum W.B.T  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia*

***Salutasi***

YBrs. Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan  
Antarabangsa)

Para Peserta Bengkel dan Hadirin Hadirat yang  
Dihormati sekalian,

Saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir ke Bengkel Kebolehpasaran Graduan (Graduate Employability) yang diadakan selama 2 hari. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak dalam menjayakan bengkel yang julung kali diadakan khususnya kepada mereka yang terlibat secara langsung.

## **Hadirlin hadirat sekalian,**

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk berkolaborasi dengan JFPIU dalam memberikan input dan bersama-sama memberikan idea serta pandangan bagi membantu menyusun strategi serta membuat perancangan kaedah meningkatkan Kebolehpasaran Graduan septicima penetapan sasaran 80% sehingga tahun 2025 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Oleh itu, langkah yang diambil Pusat Alumni dan Pembangunan Kerjaya untuk mengadakan bengkel ini dengan menjemput wakil JFPIU yang lain tepat pada masanya kerana tugas dan tanggungjawab dalam melahirkan bakal graduan yang berdaya saing, berintelektual, mempunyai nilai yang tinggi dan atribut yang tepat agar mereka mampu diterima dalam pasaran pekerjaan bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab satu jabatan atau pusat sahaja.

Kita sedia maklum bahawa proses untuk membentuk keterampilan dan pemikiran pelajar mengambil masa yang panjang dan turut dipengaruhi faktor persekitaran. Peranan pendidik, ibu bapa serta masyarakat sangat penting dalam pembentukan ini. Tempoh 3 hingga 4 tahun berada di universiti memang tidak cukup untuk membentuk pelajar yang solid. Sebaliknya, proses tersebut perlu bermula sejak dari awal lagi dan ia merupakan proses yang berterusan.

Saya ingin memetik ucapan Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia semasa pelancaran *STRATEGI BAHARU KEBOLEHPASARAN GRADUAN* iaitu:

"Adalah penting difahami bahawa misi utama universiti dan institusi pengajian tinggi negara adalah meneroka, membangun dan menyebarkan ilmu... Ia mempunyai tanggungjawab lebih besar, iaitu membangunkan bangsa.

Justeru itu, adalah satu hal yang kurang tepat sekiranya fungsi IPT hanya dianggap untuk melahirkan graduan mengikut kepentingan industri. Namun, kebolehpasaran graduan merupakan salah satu aspirasi universiti. Oleh itu, kita tidak boleh lari daripada memikul tanggungjawab ini.”

## **Hadirlin hadirat sekalian**

Kita perlu proaktif dalam menangani isu pengangguran graduan bermula dari peringkat universiti dengan membantu mereka untuk lebih yakin diri dan mempraktikkan kemahiran berkomunikasi sebelum masuk ke pasaran kerja. Sehubungan itu, saya berharap agar bengkel kali ini mampu memberikan output terbaik demi membantu pelajar UMS bersedia menempuh alam pekerjaan setelah tamat pengajian kelak.

Saya yakin objektif bengkel ini dapat dicapai dengan komitmen dan kerja keras yang ditunjukkan tuan-tuan dan puan-puan serta mampu mengubah landskap kebolehpasaran graduan UMS dan meningkatkan lagi kualiti serta kuantiti yang mampu kita hasilkan. Saya berharap agar strategi dan output hasil daripada bengkel ini akan dibentangkan kepada saya agar usaha menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan pasaran terus konsisten.

Sekian, terima kasih.